

08/12/1999

Pemuda Terengganu mahu pemimpin veteran berundur

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Pemuda Umno Terengganu mempertahankan resolusi yang antara lain meminta pemimpin veteran Umno negeri itu mengundurkan diri berikutan kekalahan besar Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu.

Bagaimanapun, Pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, memohon maaf bagi pihak Pemuda Umno Terengganu berikutan cara kenyataan itu dikeluarkan agak kasar dan menyinggung banyak pihak, terutama bekas Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

"Kita tidak nafikan, darah muda yang cepat mendidih atau perasaan muda yang kadang-kadang cepat kecewa menyebabkan mereka mengeluarkan resolusi itu selepas keputusan pilihan raya diumumkan.

"(Bagaimanapun) bukan bagi saya untuk mengubah pendirian mereka, tetapi yang penting sekarang mereka sudah meluahkannya dengan hasrat yang murni.

"Mungkin cara yang dilakukan agak kasar kerana ketika itu semua pihak masih terkejut dengan kekalahan yang dialami. Oleh itu, saya sendiri bertanggungjawab untuk memohon ampun dan maaf kepada mereka yang berkenaan," katanya di sini hari ini.

Pemuda Umno Terengganu mengeluarkan tiga resolusi sehari selepas pilihan raya umum pada 29 November lalu, antaranya meminta kepemimpinan veteran dalam Umno negeri mengundurkan diri berikutan kekalahan besar BN.

Resolusi berkenaan dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Hishammuddin yang sebelum itu mempengerusikan perjumpaan dengan Pemuda Umno Terengganu berkata, seluruh pemimpin Pemuda Umno negeri itu akan menemui Wan Mokhtar tidak lama lagi berhubung isu berkenaan.

"Soal sama ada Tan Sri Wan Mokhtar akan terus menerajui Umno Terengganu, bukan untuk kita putuskan di sini kerana bedah siasat akan dilakukan di semua peringkat dan semua maklum balas akan diterima dari setiap lapisan.

"Saya cukup yakin pucuk pimpinan akan mengambil kira semua maklum balas ini dan akan membuat keputusan sewajarnya," katanya.

Perjumpaan itu juga memutuskan supaya Pemuda Umno Terengganu mempersiapkan diri dan mengatur gerakan menghadapi pilihan raya akan datang mulai sekarang bagi menawan semula negeri itu.

(END)